

**Additional Requirements Under the Islamic Fixed Rate Financing Deferment Programme**  
**Keperluan Tambahan di bawah Program Penangguhan Pembiayaan Kadar Tetap**  
**Perbankan Islam**

Bank Negara Malaysia has issued a press release on 30 April 2020 requiring accountholders of Islamic financing with Selling Price contracted at fixed rate to provide consent to include their accounts for the 6-month moratorium. The Bank had on 22 July and 24 July 2020 sent SMS to inform on the moratorium deferment profit for your financing account which require you to respond to the Bank by 22 August 2020.

Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan siaran akhbar pada 30 April 2020 yang mewajibkan pemegang akaun pembiayaan perbankan Islam dengan Harga Jualan yang dikontrak pada kadar tetap untuk memberikan persetujuan untuk memasukkan akaun mereka dalam program moratorium 6 bulan. Pihak Bank telah menghantar SMS pada 22 Julai dan 24 Julai 2020 untuk memberitahu mengenai keuntungan penangguhan moratorium ke atas akaun pembiayaan anda di mana anda perlu memberi maklum balas kepada pihak Bank selewat-lewatnya pada 22 Ogos 2020.

During the 6-month moratorium starting from April 2020, accountholder is not required to make any payment, and no late payment charges/compensation or penalties will be imposed (“Financing Deferment Programme”).

Sepanjang tempoh moratorium 6 bulan yang bermula pada April 2020, pemegang akaun tidak diminta untuk membuat sebarang pembayaran, dan tiada caj lewat bayar atau penalti akan dikenakan (“Program Penangguhan Pembiayaan”).

The Financing Deferment Programme is applicable to all individuals and small and medium enterprises (SMEs) with outstanding Islamic financing with Standard Chartered Saadiq Berhad (“Bank”) subject to meeting the following criteria:

Program Penangguhan Pembiayaan adalah terpakai untuk semua individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mempunyai pembiayaan dengan Standard Chartered Saadiq Berhad (“Bank”), tertakluk kepada kriteria berikut:

- Account is not in arrears exceeding 90 days as at 1 April 2020;
- Account is denominated in Malaysian Ringgit; and
- Account is held under either of the following products:
  - Personal Financing-i under Tawarruq or Bai Inah
  - BizFinancing-i under Tawarruq
  - Guaranteed Instalment Financing-i under Tawarruq
- Akaun tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020;
- Akaun dinyatakan dalam Ringgit Malaysia; dan
- Akaun termasuk di antara salah satu produk berikut:
  - Personal Financing-i di bawah kontrak Tawarruq atau Bai Inah
  - BizFinancing-i di bawah kontrak Tawarruq
  - Guaranteed Instalment Financing-i di bawah kontrak Tawarruq



As you did not respond to the SMS by 22 August 2020, we will send you a letter to confirm your consent for the Financing Deferment Programme. The Bank deems that you are agreeable to appoint the Bank as your agent for the sales and purchase transactions for your financing account based on the terms and condition stipulated herein and proceed with Financing Deferment Programme. Sekiranya anda tidak menjawab SMS selewat-lewatnya pada 22 Ogos 2020, pihak kami akan mengirinkan surat untuk mengesahkan persetujuan anda untuk Program Penangguhan Pembiayaan. Pihak Bank beranggapan bahawa anda bersetuju untuk melantik Bank sebagai Wakil anda untuk transaksi jual beli bagi akaun pembiayaan anda berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan di sini untuk meneruskan Program Penangguhan Pembiayaan.

If you are not agreeable to appoint the Bank as your Agent for the sales and purchase transactions and do not wish to proceed with Financing Deferment Programme, you need to call our Client Care Executives at 1300 888 888 or +603 7711 8888 if you are calling from overseas to be excluded from the Financing Deferment Programme, and settle all the monthly instalments incurred during this Financing Deferment Programme period before we proceed with your request. You must call and make the payment before 30 September 2020.

Sekiranya anda tidak bersetuju untuk melantik pihak Bank sebagai Wakil anda untuk transaksi jual beli dan anda tidak berminat untuk meneruskan dengan Program Penangguhan Pembiayaan, anda perlu menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan kami di talian 1 300 888 888 atau +603 7711 8888 jika anda membuat panggilan dari luar negara untuk dikecualikan daripada Program Penangguhan Pembiayaan. Anda mestilah menyelesaikan semua ansuran bulanan yang tertunggak semasa tempoh Program Penangguhan Pembiayaan sebelum kami dapat meneruskan dengan permintaan anda. Anda hendaklah menghubungi pihak Bank dan membuat pembayaran sebelum 30 September 2020.

### **Your Financing Details** **Butiran Pembiayaan Anda**

To satisfy the requirement of Shariah and in accordance with the financing procedure of the Bank, a new Agency Appointment needs to be executed to accrue the deferment profit under the new Sale Price

Untuk memenuhi keperluan Syariah dan mengikut prosedur pembiayaan Bank, satu Pelantikan Agensi baharu hendaklah dilakukan untuk mengambil kira keuntungan penangguhan terakru di bawah Harga Jualan yang baharu

#### 1) For Accounts under the Contract of Tawarruq

##### Untuk Akaun di bawah Kontrak Komoditi Murabahah

It is deemed that you are appointing the Bank as an agent for the sale and purchase transactions based on the Agency Appointment – Term and Conditions listed herewith. We will conduct the Commodity Murabahah transactions after the Financing Deferment Programme ends and share the details post completion of the Commodity Murabahah transactions.



Pihak Bank beranggapan bahawa anda telah melantik Bank sebagai Ejen untuk transaksi jual beli berdasarkan Pelantikan Agensi – Terma dan Yyarat yang tertera disini. Kami akan melakukan transaksi Komoditi Murabahah setelah program penangguhan tamat dan akan berkongsi butiran-butiran setelah selesai transaksi Komoditi Murabahah.



## 2) For Accounts under the Contract of Bai Inah

### Untuk Akaun di bawah Kontrak Bai Inah:

Your account will be converted to the contract of Tawarruq and it is deemed that you are appointing the Bank as an agent for the sale and purchase transactions based on the Agency Appointment – Term and Condition listed herewith. We will conduct your Commodity Murabahah after the Financing Deferment Programme ends and share the details post completion of the Commodity Murabahah transactions.

Akaun anda akan ditukarkan kepada kontrak Tawarruq dan pihak Bank beranggapan bahawa anda telah melantik Bank sebagai Wakil untuk transaksi jual beli berdasarkan Pelantikan Agensi – Terma dan Syarat yang tertera disini. Kami akan melakukan transaksi Komoditi Murabahah setelah program penangguhan tamat dan akan berkongsi butiran-butiran setelah selesai transaksi Komoditi Murabahah.

### Financing Details

#### Butiran Pembiayaan

Facility Amount (new Purchase Price) : Based on your outstanding principal balance at the point of Commodity Murabahah transactions. The Commodity Murabahah transactions will be performed after the end of the Financing Deferment Programme.

Jumlah Fasiliti (Harga Pembelian baharu)

Berdasarkan baki prinsipal anda yang belum dijelaskan pada ketika transaksi Komoditi Murabahah akan dilakukan. Transaksi Komoditi Murabahah akan dilakukan setelah berakhirnya Program Penangguhan Pembiayaan.

Sale Price (Principal plus Profit) : Consisting of the following:

Harga Jualan (Prinsipal ditambah Keuntungan)

Terdiri daripada yang berikut:

- i) Facility Amount
- ii) Unearned Profit of the financing at the point of Commodity Murabahah transactions;
- iii) Profit in arrears, if any
- iv) Unearned Profit during the Financing Deferment Programme.

The accrual profit amount during the Financing Deferment Programme was shared with you in the SMS.



Any difference in the amount of the Unearned Profit during the Financing Deferment Programme and amount communicated in the SMS will be considered as Rebate by the Bank.

Note: Unearned profit during the Financing Deferment Programme = Facility Amount x Financing Rate x (number of days under Financing Deferment Programme / 365 days)

- i) Jumlah Fasiliti
- ii) Keuntungan pembiayaan yang belum diperolehi pada ketika transaksi Komoditi Murabahah dilakukan;
- iii) Keuntungan tertunggak, sekiranya ada
- iv) Keuntungan yang belum diperolehi semasa Program Penangguhan Pembiayaan.

Jumlah keuntungan terakru semasa Program Penangguhan Pembiayaan telah dikongsi dengan anda melalui SMS.

Sebarang perbezaan antara jumlah Keuntungan belum Diperolehi semasa Program Penangguhan Pembiayaan dan jumlah yang diberitahu melalui SMS akan dianggap sebagai rebat oleh pihak Bank.

Catatan: Keuntungan belum diperolehi semasa Program Penangguhan Pembiayaan = Jumlah Fasiliti x Kadar Pembiayaan x (bilangan hari di bawah Program Penangguhan Pembiayaan / 365 hari)

Total Tenure	:	Remaining existing tenure under your Facility plus 6 months of the deferment period or up to the settlement of your Facility Amount.
Jumlah Tempoh Pembiayaan	:	Baki tempoh pembiayaan Fasiliti anda ditambah 6 bulan tempoh penangguhan atau hingga penyelesaian jumlah Fasiliti anda.
Financing Deferment Period	:	6 months
Tempoh Penangguhan Pembiayaan	:	6 bulan
Instalment Amount during Financing Deferment Period	:	RM 0



Jumlah Ansuran dalam Tempoh  
Penangguhan Pembiayaan

Installment Amount (after Financing : No change to the instalment amount  
Deferment Period ends)

Jumlah Ansuran (Selepas tamat : Tiada perubahan kepada jumlah ansuran  
Tempoh Penangguhan Pembiayaan)

Commodity to be purchased : Plastic Resin  
Komoditi yang akan dibeli : Resin Plastik

### **AGENCY APPOINTMENT – TERMS AND CONDITIONS**

#### **PELANTIKAN AGENSI – TERMA DAN SYARAT**

1. You appoint the Bank as your agent to perform the commodity transactions for and on your behalf, as follows: (i) as agent to purchase the Commodity (as part of the Bank's bulk holding of the Commodity on behalf of the Bank's customers) from the Bank at the new Sale Price as set out in Your Financing Details above; (ii) as agent to sell the Commodity (as part of the Bank's bulk holding of the Commodity on behalf of the Bank's customers) to a commodity broker at the new Purchase Price Your Financing Details above; And (iii) as agent to decide on the physical delivery of the Commodity.

Anda melantik Bank sebagai Wakil anda untuk melakukan transaksi komoditi untuk dan bagi pihak anda, seperti berikut: (i) sebagai Wakil untuk pembelian Komoditi (sebagai sebahagian daripada pegangan Bank atas Komoditi secara pukal bagi pihak pelanggan Bank) dari Bank pada Harga Jualan baharu seperti yang dinyatakan dalam Butiran Pembiayaan Anda di atas; (ii) sebagai Wakil untuk menjual Komoditi (sebagai sebahagian daripada pegangan Bank atas Komoditi secara pukal bagi pihak pelanggan Bank) kepada broker komoditi pada Harga Pembelian baharu seperti yang dinyatakan dalam Butiran Pembiayaan Anda di atas; Dan (iii) sebagai Wakil untuk memutuskan penghantaran fizikal komoditi.

2. The purchase and sale of Commodity by the Bank shall be on "as is where is basis", without any representations or warranties from the Bank as to quality, condition, quantity and description, and without liability on the part of the Bank for any loss, damage or deterioration of the Commodity.

Pembelian dan penjualan Komoditi oleh pihak Bank akan dilakukan "sebagaimana adanya", tanpa sebarang pernyataan atau jaminan daripada pihak Bank mengenai kualiti, keadaan, kuantiti dan keterangan, dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian, kerosakan atau kemerosotan Komoditi,

3. Upon the completion of the Commodity Murabahah transactions for the new aqad, the facility amount will be used to set off the existing principal amount and the rebate will be given to the unearned profit thereof.



Setelah selesai transaksi Komoditi Murabahah untuk aqad baharu, jumlah fasiliti akan digunakan untuk menyelesaikan jumlah prinsipal sedia ada dan rebat akan diberikan kepada keuntungan yang belum diperolehi.

4. You authorise the Bank to communicate with the commodity broker and to send and receive all notices, instructions, communication and/or correspondences in relation to the commodity transactions as set out above on your behalf using the Bank's postal address, email address, telephone and/or fax numbers.

Anda memberi kuasa kepada pihak Bank untuk berkomunikasi dengan broker komoditi dan untuk menghantar dan menerima semua notis, arahan, komunikasi dan/atau surat-menyurat yang berkaitan dengan transaksi komoditi sebagaimana yang tertera di atas bagi pihak anda dengan menggunakan alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon dan/atau nombor faks pihak Bank.

5. You shall at all times fully indemnify and keep the Bank indemnified against all and any action, proceeding, claim, expense, loss, damage or liability which the Bank may incur as a consequence of or arising from or connected to the appointment of the Bank as your agent.

Anda akan pada setiap masa melindungi sepenuhnya dan melindungi pihak Bank daripada sebarang tindakan, prosiding, tuntutan, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank sebagai akibat atau timbul daripada atau berkaitan dengan pelantikan pihak Bank sebagai Wakil anda.

6. You authorise the Bank to delegate its rights and duties under this letter to any third party to do all such acts as may be necessary for the completion of the commodity transactions as stated above.

Anda memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menyerahkan hak dan tugasnya berdasarkan surat ini kepada sebarang pihak ketiga untuk melakukan apa-apa tindakan yang mungkin diperlukan untuk menyelesaikan transaksi komoditi seperti yang tertera di atas.

7. Other terms and conditions of the above appointment will be in accordance to the terms of the Standard Terms and Conditions governing your existing Facility(s).

Lain-lain terma dan syarat mengenai pelantikan seperti yang tertera di atas adalah mengikut syarat-syarat Piawaian Terma dan Syarat untuk fasiliti sedia ada anda.

For more information and options available to support your financial needs, please call at Client Care Centre 1300 -888-888 or email [Malaysia.Feedback@sc.com](mailto:Malaysia.Feedback@sc.com)

Untuk maklumat lebih lanjut dan pilihan yang tersedia untuk membantu keperluan kewangan anda, sila hubungi Pegawai Khidmat Pelanggan di talian 1300 -888-888 atau e-mel [Malaysia.Feedback@sc.com](mailto:Malaysia.Feedback@sc.com)

We remain fully focused on supporting you in these unprecedented, challenging times. Thank you for banking with us.



Kami tetap memberi fokus yang sepenuhnya untuk membantu anda dalam waktu yang mencabar ini. Terima kasih kerana menggunakan khidmat perbankan kami.

